

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 08/04/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / Niaga (46)
Tajuk : BA100 Akan Bermula Mei Ini

46 NIAGA

KOSMO! ISNIN 8 APRIL 2019

300 koperasi peruncitan tawar barangan antara 10 hingga 20 peratus lebih rendah **BA100 akan bermula Mei ini**

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI

SHAH ALAM - Sebanyak 300 koperasi peruncitan sekitar Lembah Klang akan mula menggunakan sistem khas yang dibangunkan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa), di bawah program Barang Asas 100 (BA100) untuk fasa pertama.

BA100 merupakan satu program yang menawarkan produk barangan asas seperti minyak masak dan gula pada harga antara 10 hingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran bagi membantu meringankan beban pengguna.

Presiden Angkasa, Da-

tuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sistem khas yang dibangunkan bersama sebuah syarikat bumiputera itu dikenali sebagai Barang Asas Retail Platform (BARP) yang akan mula beroperasi seawal Mei ini.

Beliau berkata, sistem tersebut dibangunkan untuk membantu koperasi peruncitan mendapatkan bekalan barangan asas terus daripada pengilang.

"Sistem BARP ini akan bertindak sebagai jalan pintas kepada orang tengah kerana kami membeli secara pukal daripada pengilang atau pembekal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Ke-pimpinan dan Perniagaan

Anggota Lembaga Koperasi Selangor di sini semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, sehingga kini terdapat kira-kira 3,500 koperasi peruncitan di bawah Angkasa dan sistem ini akan diteruskan mengikut fasa-fasa seperti yang telah dirancang sebelum ini.

"Selepas fasa pertama yang akan dilancarkan Mei ini, kami jangkakan dalam bulan September ini sebanyak 300 lagi koperasi peruncitan boleh menggunakan sistem ini.

"Sasaran kami ialah semua koperasi peruncitan menggunakan sistem ini bagi menjana pulangan yang lebih tinggi berbanding sistem konvensional sebelum ini," katanya.



ABDUL FATTAH (tiga dari kanan) beramah mesra dengan peserta di Hotel Carlton Holiday di Shah Alam semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA